


20 TAHUN SARAWAK  
MERDEKA  
DALAM MALAYSIA

31 OGOS 1983

“PEMBANGUNAN MANUSIA ASAS  
NEGERI CONTOH”



“BERSAMA KEARAH KEMAJUAN”

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
IBNI AL-MARHUM  
SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH,  
D.K.M., D.K.P., D.K., S.S.A.P., S.I.M.P. D.M.N., D.K. (PERAK), D.K. (JOHOR),  
D.K. (KELANTAN), D.K. (TRENGGANU), D.K. (PERLIS), D.K. (KEDAH),  
D.K. (BRUNEI), D.P. (SARAWAK), S.P.C.M., S.P.M.J.

548137

Hadiah

8 DEC. 1990  
Perpustakaan Negara  
Malaysia



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

# Perutusan

TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته .

Hari Kebangsaan yang kita rayakan tahun ini ialah hari genapnya 20 tahun kemerdekaan kita menerusi Malaysia – satu peristiwa yang seharusnya dirayakan dengan penuh kegembiraan oleh semua rakyat Malaysia. Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana kita mencapai kedewasaan dalam suasana aman dan damai.

Bagi kita di Sarawak ini khasnya tempoh dua dekad yang lalu itu telah membawa perubahan besar dalam bentuk fizikal. Sesungguhnya Malaysia telah membawa kemajuan kepada Sarawak. Tetapi kemerdekaan bukanlah bererti kemajuan material semata-mata.

Kemerdekaan hanya bererti jika kebebasan yang kita miliki itu digunakan untuk meningkatkan kemajuan yang menyeluruh untuk negara dan rakyat. Ianya lebih-lebih lagi bererti jika, melalui usaha kita secara perseorangan ataupun beramai-ramai, perbezaan-perbezaan yang wujud dalam masyarakat majmuk kita ini dimanfaatkan untuk memperkuat perpaduan kebangsaan. Matlamat ini meminta usaha yang bersungguh-sungguh dan tulus dan persefahaman tiap-tiap orang; mesti ada semangat bertolak-ansur dan atas segala-gala itu mesti ada tumpuan ketaatan kepada Raja dan Negara di kalangan semua rakyat Malaysia.

Tahun-tahun yang akan datang tidak kurang cabarannya. Selepas 20 tahun merdeka kita sudah tentu dapat mengenal pasti sumber kekuatan dan juga punca kelemahan kita dan semestinya tidak harus ada rasa cukup puas diri begitu saja. Kita mesti sedar bahawa kemerdekaan; bukanlah hanya kita mempunyai bendera dan lagu rasmi negeri baru; benda-benda ini semuanya barang keramat, tetapi yang lebih penting ialah kesediaan kita bekerja untuk memberi nilai kepada kemerdekaan kita.

Sebagai Ketua Negeri saya sungguh-sungguh gembira dan bangga kerana dapat ikut serta dalam perayaan ulangtahun kemerdekaan Sarawak yang ke-20 menerusi Malaysia dan saya mengucapkan terimakasih kepada setiap orang yang terlibat dalam menjayakan peristiwa yang bersejarah ini. Terimakasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(TUN DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN YA'KUB)

Yang di-Pertua Negeri Sarawak